



SELANGOR

Kompas

Petaling Jaya

© Kompas Publishing Sdn Bhd, 1986

Semua hak terpelihara. Tiada sebarang bahagian daripada buku ini yang boleh ditiru atau dipancar atau disimpan dalam sebarang bentuk atau melalui sebarang cara tanpa kebenaran bertulis daripada pihak Kompas Publishing Sdn Bhd terlebih dahulu.

Diterbitkan 1986

ISBN 967 952 083 8
967 952 079 X


959.5115
SEL
466390
APB

Diterbitkan oleh
Kompas Publishing Sdn Bhd
48, Tingkat Satu, Jalan SS 2/61
47300 Petaling Jaya.
Tel: 03-7746650

Dicetak di Malaysia oleh
Academe Art & Printing Services Sdn Bhd
Kuala Lumpur


- 9 AUG 1986

Perpustakaan Negara
Malaysia



Bendera

Empat bahagian yang berwarna kuning dan merah pada bendera negeri Selangor melambangkan darah dan daging. Kedua-duanya adalah unsur yang perlu untuk memberi jiwa dan tenaga kepada negeri ini. Bulan dan bintang adalah lambang agama rasmi negeri Selangor. Warna putih pula menunjukkan kesucian agama Islam.



Kota Darul Ehsan

Pengenalan


Negeri Selangor terkenal juga dengan gelaran Darul Ehsan. Negeri ini merupakan sebuah negeri yang paling pesat membangun di Malaysia. Di samping kilang-kilang perusahaan yang semakin banyak didirikan, bidang pertanian juga sangat maju di negeri ini.

Dahulunya, Kuala Lumpur adalah sebahagian daripada negeri Selangor dan juga menjadi pusat pentadbirannya. Tetapi sekarang Kuala Lumpur telah dijadikan Wilayah Persekutuan dan pusat pemerintahan Selangor dipindahkan ke Shah Alam. Kota Darul Ehsan menjadi **sempadan** antara negeri Selangor dengan Wilayah Persekutuan. Meskipun begitu, Selangor tetap membangun dengan pesatnya. Pembangunan bandar-bandar besar di Selangor seperti Petaling Jaya, Shah Alam dan Kelang hampir sama pesatnya dengan Kuala Lumpur.

Penduduk negeri Selangor pula terdiri daripada berbagai-bagai keturunan dan bangsa. Selain orang Melayu, Cina dan India, terdapat beberapa suku kaum yang berasal dari Indonesia. Antaranya termasuklah orang Mandailing, Banjar, Rawa, Jawa dan lain-lain lagi. Mereka ini datang ke Selangor sejak lama dahulu iaitu ketika hasil bijih timah mula ditemui di Selangor.

Negeri Selangor juga menjadi tumpuan penduduk dari negeri-negeri lain di Malaysia. Mereka kebanyakan adalah golongan muda yang datang untuk mencari pekerjaan di negeri Selangor. Di negeri Selangor memang banyak terdapat peluang pekerjaan kerana kegiatan perniagaan di negeri ini sangat pesat. Kilang-kilang yang besar juga banyak terdapat di negeri ini.

Di Selangor juga terletak beberapa pusat pengajian tinggi yang terkemuka di tanahair. Pusat-pusat pengajian itu ialah Universiti Malaya yang terletak di Petaling Jaya, Universiti Kebangsaan Malaysia di Bangi dan Universiti Pertanian Malaysia di Serdang. Selain itu, **kampus** sementara Universiti Islam Antarabangsa juga terletak di Petaling Jaya. Kampus tetap universiti ini sedang dibina di Bentong, Pahang.



Pemandangan di salah sebuah universiti

Sejarah

Sungai Kelang adalah sungai yang terkenal dalam sejarah negeri Selangor. Petempatan-petempatan awal penduduk negeri Selangor bermula di lembah sungai ini. Lembah sungai ini pula kaya dengan bijih timah.

Pada zaman Kesultanan Melaka, Kelang berada di bawah kuasa Melaka. Kelang diperintah oleh seorang ketua yang bergelar 'Penghulu'. Tun Perak iaitu bendahara Melaka yang terkenal, pernah menjadi penghulu Kelang. Beliau dilantik menjadi penghulu Kelang setelah penduduk Kelang **menggulingkan** penghulu mereka yang asal.

Dalam abad ke-17, ramai orang Bugis berhijrah ke Selangor. Mereka tinggal di kawasan-kawasan pantai negeri Selangor. Lama-kelamaan masyarakat Bugis menjadi besar dan sangat berpengaruh. Pada pertengahan abad ke-18, mereka mengasaskan **dinasti** diraja di Selangor. Seorang putera raja Bugis yang bernama Raja Lumu telah menjadi sultan Selangor yang pertama. Baginda menggunakan gelaran Sultan Salehuddin.

Di bawah pemerintahan Sultan Salehuddin yang cekap dan bijak, negeri Selangor maju dengan pesatnya. Negeri Selangor menjadi masyhur kerana hasil bijih timah yang banyak

terdapat di negeri itu. Daerah Langat, Lukut, Kelang, Kuala Selangor dan Bernam merupakan kawasan-kawasan bijih timah yang terpenting di negeri Selangor ketika itu.

Walau bagaimanapun kemakmuran negeri Selangor kemudiannya terganggu kerana perang saudara. Ini disebabkan rebutan kuasa di antara putera-putera sultan dan pembesar-pembesar negeri. Perang yang paling terkenal dikenali sebagai Perang Kelang. Perang ini berlaku di antara Raja Mahadi dan Tengku Kudin.

Tengku Kudin ialah menantu sultan Selangor ketika itu iaitu Sultan Abdul Samad. Beliau adalah adinda Sultan Kedah. Walau bagaimanapun sultan Selangor telah melantiknya sebagai **Wizurai** dan memberi kuasa kepadanya untuk mentadbir dan mengamankan negeri Selangor yang kacau-bilau ketika itu.



Tengku Kudin



Sultan Abdul Samad

Tujuan Sultan Abdul Samad melantik Tengku Kudin sebagai Wizurai ialah untuk menyelesaikan pertelingkahan di antara Raja Abdullah dan Raja Mahadi. Pertelingkahan ini berlaku disebabkan masing-masing mahu menguasai daerah Kelang yang kaya dengan bijih timah.

Perlantikan Tengku Kudin ditentang keras oleh Raja Mahadi kerana Tengku Kudin bukan **anak negeri** Selangor. Oleh sebab itu Tengku Kudin telah menyokong pihak Raja Abdullah untuk memerangi Raja Mahadi. Raja Mahadi kemudiannya berjaya dikalahkan dan dihalau dari Kelang. Walau bagaimanapun, Raja Mahadi tidak mudah menyerah kalah. Dengan bantuan beberapa orang pembesar dan pahlawan Melayu, Raja Mahadi berjaya menguasai Kuala Selangor pula.

Peperangan ini menjadi lebih buruk apabila dua puak pelombong Cina di Selangor turut terlibat. Satu puak yang dipimpin oleh Chong Chong telah menyebelahi Raja Mahadi. Satu puak lagi yang dipimpin oleh Yap Ah Loy telah memberi sokongan kepada Tengku Kudin. Yap Ah Loy adalah **Kapitan** Cina yang terkenal di Kuala Lumpur. Beliau juga merupakan orang yang bertanggungjawab membuka bandar Kuala Lumpur dan memajukannya.

Dengan sokongan yang diperolehinya Raja Mahadi telah memberi tentangan yang kuat kepada Tengku Kudin. Ini menyebabkan Tengku Kudin meminta bantuan pihak British. Beliau juga kemudiannya mendapat bantuan dari Pahang. Dengan bantuan ini Raja Mahadi akhirnya telah dikalahkan dan perang saudara di Selangor dapat ditamatkan.



Perang saudara di Selangor

Walau bagaimanapun kekacauan yang berlaku ini telah memberi peluang kepada British untuk **campur tangan** di Selangor. Lebih-lebih lagi pihak British telah banyak memberi bantuan kepada Tengku Kudin untuk menamatkan perang saudara di Selangor. Dengan menunjuk-nunjukkan kekuatan tenteranya pihak British telah mendesak Sultan Abdul Samad supaya menerima seorang penasihat British. Mereka menjadikan alasan kegiatan lanun dan keadaan huru-hara di Selangor untuk campur tangan. Walau



Yap Ah Loy

bagaimanapun niat utama mereka ialah untuk menguasai perlombongan bijih timah di Selangor.

Walaupun Sultan Abdul Samad enggan menerima penasihat British tetapi baginda tidak berupaya untuk menentang kekuatan tentera British. Oleh sebab itu, baginda bersetuju untuk menerima seorang penasihat British. Penasihat British yang pertama di Selangor ialah Frank Swettenham.

Dengan persetujuan Sultan Abdul Samad itu, negeri Selangor menjadi negeri yang kedua dikuasai oleh pihak British selepas negeri Perak. Negeri Selangor kekal di bawah kuasa British sehingga tahun 1957. Pada tahun itu Selangor menjadi negeri yang merdeka bersama negeri-negeri lain di Tanah Melayu.

Peta negeri Selangor



111

Geografi

Negeri Selangor terletak di bahagian barat Semenanjung Malaysia. Sungai Bernam menjadi sempadan antara negeri Selangor dengan Perak di utara, manakala Sungai Sepang menjadi sempadan dengan Negeri Sembilan di sebelah selatan. Di sebelah timurnya pula, Banjaran Titiwangsa memisahkan negeri ini dengan Pahang Darulmakmur.

Luas negeri Selangor ialah 7956 kilometer persegi. Negeri ini dibahagikan kepada sembilan daerah iaitu Gombak, Kelang, Kuala Langat, Kuala Selangor, Petaling, Sabak Bernam, Sepang, Ulu Langat dan Ulu Selangor. Ibu negeri Selangor sekarang ialah Shah Alam. Sebelum Kuala Lumpur dijadikan Wilayah Persekutuan pada tahun 1974, Kuala Lumpur adalah ibu negeri Selangor.

Sungai Kelang adalah sungai yang terbesar di Selangor. Sungai ini memainkan peranan penting dalam sejarah negeri Selangor. Lembahnya yang kaya dengan bijih timah menjadi sumber kekayaan negeri Selangor pada masa dahulu. Sungai-sungai lain yang terdapat di Selangor ialah Sungai Selangor dan Sungai Langat.

Penduduk negeri Selangor berjumlah kira-kira 1.5 juta orang. Penduduknya berbagai kaum dan orang Melayu merupakan kaum yang terbesar.


Kaum-kaum lain ialah Cina, India dan beberapa kaum yang berasal dari Indonesia seperti orang Jawa, Banjar, Mandailing dan lain-lain. Mah Meri pula adalah suku orang asli yang terbesar di Selangor. Mereka kebanyakannya tinggal di Tanjung Sepat, Bukit Bakong dan Pulau Carey.

Kebanyakan penduduk negeri Selangor bertumpu di bandar-bandar. Negeri Selangor memang banyak mempunyai bandar besar seperti Petaling Jaya, Shah Alam, Kelang, Kajang, Sabak Bernam dan lain-lain. Bandar-bandar ini sentiasa menjadi tumpuan orang kerana terdapat gedung-gedung perniagaan dan kilang-kilang yang menyediakan peluang-peluang pekerjaan. Tidak kurang juga orang yang bertumpu ke situ untuk berniaga.


Perindustrian merupakan kegiatan ekonomi yang paling penting di negeri Selangor. Malah kerana inilah negeri Selangor menjadi tumpuan orang dari setiap negeri di Malaysia. Di negeri ini terdapat berbagai jenis perusahaan daripada perusahaan ringan seperti membuat makanan dan minuman hinggalah perusahaan berat seperti membuat kereta.

Kawasan perindustrian yang penting di negeri Selangor ialah Petaling Jaya, Shah Alam dan Pelabuhan Kelang. Di Shah Alam terletak kilang yang membuat kereta Proton Saga iaitu kereta

nasional Malaysia. Kereta Proton Saga yang pertama telah dikeluarkan pada bulan Julai 1985. Kereta ini menjadi kebanggaan rakyat Malaysia kerana ia menunjukkan kemampuan rakyat negara ini dalam bidang perindustrian.



Proton Saga kereta nasional Malaysia



Sawah padi di negeri Selangor

Selain perindustrian, pertanian juga merupakan kegiatan ekonomi yang penting. Selangor merupakan salah sebuah negeri yang paling banyak mengeluarkan hasil pertanian di Malaysia. Padi banyak ditanam di kawasan Tanjung Karang. Kawasan ini terletak di barat laut negeri Selangor. Di sini terdapat dataran yang luas untuk penanaman padi. Rancangan pengairan dijalankan di sini untuk meningkatkan hasil padi.

Negeri Selangor juga merupakan pengeluar getah dan kelapa sawit yang kedua besarnya di Malaysia. Di negeri ini terdapat ladang-ladang

getah dan kelapa sawit yang luas. Begitu juga dengan tanaman kelapa yang banyak terdapat di Sabak Bernam.

Dalam perlombongan bijih timah, negeri Selangor menjadi negeri yang kedua paling banyak mengeluarkan bijih timah di Malaysia. Bijih timah merupakan hasil galian yang banyak membantu memajukan negeri Selangor dari dulu hingga sekarang. Lombong-lombong bijih timah banyak terdapat di sekitar Lembah Kelang. Bijih timah dilombong dengan menggunakan kapal korek, lombong dedah dan lombong pam.

Penduduk pinggir pantai negeri ini pula bekerja sebagai nelayan. Pulau Ketam merupakan kawasan perikanan yang penting di Selangor. Nelayan-nelayan di negeri ini menggunakan cara-cara moden untuk menangkap ikan. Mereka juga dapat menangkap ikan sepanjang tahun kerana tidak diganggu oleh musim tengkujuh seperti di pantai timur.

Dengan hasil yang begitu banyak, Selangor menjadi salah sebuah negeri yang terkaya di Malaysia. Banyak rancangan pembangunan dijalankan di negeri ini. Disebabkan penduduknya semakin ramai, banyak rancangan perumahan dijalankan untuk menyediakan tempat tinggal yang cukup. Rancangan perumahan ini dijalankan dengan teratur untuk memberikan keselesaan kepada penduduknya.

Kebudayaan

Negeri Selangor sangat berbeza daripada negeri-negeri yang lain di Malaysia. Negeri-negeri lain boleh dikatakan mempunyai **ciri-ciri** budayanya yang tersendiri, tetapi negeri Selangor seolah-olah tidak mempunyai ciri-ciri itu. Kalau Kelantan misalnya mempunyai sifat-sifat khusus dari segi percakapan penduduknya dan permainan-permainan tradisinya, tetapi negeri Selangor tidak mempunyai sifat seperti itu.

Keadaan ini mungkin disebabkan penduduknya yang terdiri daripada berbagai kaum. Lebih-lebih lagi kebanyakannya adalah **pendatang**.

Meskipun begitu beberapa suku kaum yang tinggal di Selangor masih mengekalkan adat-adat tradisi mereka. Antara suku-suku kaum itu ialah orang Mandailing yang banyak tinggal di Ulu Langat, orang Banjar di Sungai Besar, orang Rawa di Ulu Bernam dan orang Jawa di Kuala Selangor. Mereka ini masih mengekalkan adat lama yang diwarisi sejak turun temurun.

Di kalangan orang Jawa misalnya, cara perubatan tradisi masih diamalkan. Cara perubatan tradisi orang Jawa ini mempunyai keistimewaannya sendiri. Berbagai penyakit, baik yang ringan mahupun yang teruk dapat dirawat dengan cara ini.

Orang Mandailing pula terkenal dengan upacara perkahwinan mereka yang tersendiri.



Majlis perkahwinan orang Mandailing

Upacara perkahwinan itu diwarisi oleh orang Mandailing sejak turun-temurun. Upacara-upacara yang dijalankan dalam majlis perkahwinan mempunyai maksud tertentu kepada pengantin. Contohnya dua biji telur yang digunakan ketika upacara menepung tawar membawa erti agar pasangan pengantin akan hidup aman dan mendapat keturunan yang baik-baik.

Mah Meri pula iaitu suku kaum asli yang terbesar di Selangor juga mempunyai adat-adat tradisi mereka sendiri. Orang Mah Meri kebanyakannya tinggal di Tanjung Sepat, Bukit Bakong dan Pulau Carey.

Tempat-tempat Menarik

Negeri Selangor bukan sahaja menjadi tumpuan orang untuk melawat tempat-tempat yang menarik, tetapi juga untuk membeli-belah. Di bandar-bandar besarnya terdapat gedung-gedung perniagaan yang menjual beraneka jenis barang. Petaling Jaya misalnya merupakan bandar yang selalu dikunjungi orang.

Di Subang pula terletak Lapangan Terbang Antarabangsa Subang. Ini adalah salah satu jalan masuk utama ke Malaysia. Para pelawat yang berkunjung ke sini dapat melihat kapal-kapal terbang **mendarat** dan **berlepas**. Lapangan terbang ini adalah lapangan terbang yang terbesar di Malaysia.



Lapangan Terbang Antarabangsa Subang

Pelabuhan Kelang juga merupakan tempat yang harus dikunjungi. Pelabuhan ini merupakan pelabuhan utama di Malaysia. Dari pelabuhan ini banyak hasil keluaran negara Malaysia dieksport. Di sini dapat dilihat kapal-kapal besar yang datang dari serata dunia.

Dari Pelabuhan Kelang, pelancong boleh menaiki bot untuk ke Pulau Ketam. Pulau Ketam merupakan perkampungan nelayan yang indah. Penduduk di sini kebanyakannya bekerja sebagai nelayan.

Selain daripada itu terdapat beberapa tempat peranginan untuk dikunjungi di Selangor. Pantai Morib misalnya merupakan tempat yang sangat sesuai untuk berkelah. Pemandangan di sini sungguh menarik dan udaranya pula sentiasa nyaman. Kerana itulah pantai ini menjadi tumpuan ramai sama ada pada hari-hari cuti mahupun hari biasa. Pantai ini juga menjadi pangkalan para nelayan. Setiap hari para nelayan yang turun ke laut akan membawa pulang hasil tangkapan mereka di pantai ini.

Taman Templer pula terkenal dengan keindahan alam semula jadinya. Di sini terdapat kawasan hutan yang masih terpelihara. Di sekitarnya ada lorong-lorong untuk berjalan kaki dan air terjun yang indah. Tempat ini memang sesuai untuk dijadikan tempat berkelah dan



Pemandangan di Taman Templer




Pemandangan di Mimaland

berkemah. Suasananya yang nyaman dapat menenangkan fikiran. Letaknya pula tidak jauh dari Kuala Lumpur.


Mimaland juga merupakan tempat **rekreasi** yang terkenal. Di sini terdapat kemudahan untuk memancing, berperahu dan berenang. Tamannya pula sungguh indah dengan berbagai-bagai jenis bunga. Bagi kanak-kanak pula, terdapat taman permainan yang sungguh selesa untuk mereka. Sebuah zoo **mini** juga terdapat di sini. Pendek kata tempat ini memang sesuai untuk dijadikan tempat berehat dan berhibur.

Bagi mereka yang gemar melihat binatang, Zoo Negara adalah tempat yang sesuai untuk dikunjungi. Zoo Negara terletak di Ulu Kelang. Di sini terdapat berbagai jenis binatang sama ada binatang yang terdapat di Malaysia mahupun binatang yang dibawa dari luar negeri. Antara binatang-binatang yang terdapat di sini termasuklah harimau, monyet, zirafah, buaya, tapir, ular sawa, burung kakaktua dan lain-lain lagi. Bayaran yang dikenakan untuk masuk ke zoo ini adalah murah.




Zoo Negara

Batu Cave pula merupakan satu tempat yang penting bagi penganut-penganut agama Hindu. Setiap tahun beribu-ribu orang Hindu akan mengunjungi tempat ini ketika perayaan Thaipusam. Mereka datang ke sini untuk bersembahyang dan menebus dosa-dosa mereka yang telah lalu. Sebagai tanda memohon keampunan mereka membawa kavadi dengan besi-besi tajam dicucukkan ke badan mereka. Selain menjadi tempat orang Hindu beribadat, tempat ini sentiasa menarik perhatian pelancong yang datang untuk melihat keindahan semula jadi Batu Cave itu. Untuk sampai ke gua itu, para pelancong perlu menaiki 272 mata anak tangga.



Pemandangan di Batu Cave



Kota Melawati

Di samping itu terdapat beberapa tempat yang bersejarah di Selangor. Salah satu daripadanya ialah Bukit Melawati yang terletak di Kuala Selangor. Di atas bukit ini terletak Kota Melawati yang terkenal dalam sejarah Selangor. Kota ini dibina oleh Sultan Ibrahim iaitu sultan Selangor yang memerintah di antara tahun 1778 hingga 1826. Tujuan pembinaan kota ini ialah untuk menentang Belanda yang mahu menguasai Selangor ketika itu. Di kawasan kota itu terdapat beberapa pucuk meriam lama yang dikekalkan hingga sekarang. Di atas Bukit Melawati ini juga terdapat beberapa **makam** sultan-sultan Selangor pada masa dahulu.

Kelang juga merupakan tempat yang bersejarah. Bandar ini dahulunya menjadi rebutan antara Raja Mahadi dengan Raja Abdullah. Salah satu kesan sejarah yang masih kekal di sini ialah Kota Raja Mahadi yang terletak di Bukit Kota. Di bandar ini juga terletak Istana Alam Shah yang sungguh cantik binaannya. Istana itu terletak di Bukit Istana.

Di samping itu, sesiapa yang berkunjung ke Selangor tentunya tidak melepaskan peluang untuk ke Kuala Lumpur iaitu ibu negara Malaysia. Di sini banyak terdapat bangunan-bangunan yang indah seperti Dayabumi dan Pusat Dagangan Dunia Putra serta pusat-pusat membeli-belah yang besar. Selain itu para pelancong boleh juga melawat Muzium Negara, Tugu Negara, Parlimen dan banyak lagi tempat menarik di sekitar bandaraya ini.




Pemandangan Bandaraya Kuala Lumpur

Bandar-bandar

Shah Alam adalah ibu negeri Selangor. Selain menjadi pusat pentadbiran, bandar ini juga merupakan kawasan perindustrian yang penting di Selangor. Bandar ini semakin pesat membangun dan banyak kawasan perumahan dibuka untuk memenuhi keperluan penduduknya yang semakin bertambah. Di sini juga terletak kilang yang mengeluarkan kereta nasional Malaysia iaitu Proton Saga. Sebuah pusat pengajian tinggi iaitu Institut Teknologi Mara juga terletak di sini.


Petaling Jaya adalah bandar yang penting di Selangor. Di sini terdapat kilang-kilang dan gedung-gedung perniagaan yang besar. Oleh sebab itu bandar ini menjadi tumpuan orang ramai. Pejabat-pejabat kerajaan dan **swasta** juga banyak terdapat di sini. Petaling Jaya juga merupakan bandar yang bersih dan nyaman. Di sekitarnya terdapat banyak tempat rekreasi untuk



Salah sebuah tempat rekreasi di Petaling Jaya

dijadikan orang ramai berehat dan juga bersenam. Keadaannya tidak begitu sibuk seperti Kuala Lumpur menyebabkan orang ramai suka tinggal di sini.

Kelang adalah bandar diraja Selangor. Bandar ini pernah dijadikan pusat pentadbiran negeri Selangor suatu ketika dahulu. Bandar Kelang terbahagi kepada dua bahagian iaitu Kelang Selatan dan Kelang Utara. Kedua-dua bahagian ini dihubungkan oleh dua buah jambatan yang merentangi Sungai Kelang. Di sekitar bandar ini juga terdapat beberapa tempat menarik untuk



dikunjungi. Di antaranya ialah Masjid Sultan di Kampung Jawa, Istana Alam Shah di Bukit Istana, Pasar Jawa dan Pintu Gerbang Raja Mahadi di Bukit Kota.

Kuala Kubu adalah bandar yang bersejarah. Bandar ini letaknya di daerah Hulu Selangor dan terbahagi kepada dua bahagian iaitu Kuala Kubu Lama dan Kuala Kubu Baharu. Bandar ini dahulunya pernah menjadi kubu pertahanan Syed Masyhor iaitu penyokong Raja Mahadi yang berjuang menentang Tengku Kudin. Kesan-kesan kubu tersebut masih kekal hingga sekarang. Tidak jauh dari bandar ini terdapat air terjun dan sungai yang sesuai untuk dijadikan tempat berkelah dan memancing.

Kajang terkenal dengan satenya. Bandar ini terletak berhampiran dengan sempadan Negeri Sembilan. Tidak jauh dari bandar ini terletak Universiti Kebangsaan Malaysia iaitu di Bangi.

Perbendaharaan Kata

Muka Surat

- 3 sempadan = batas atau had sesuatu negeri atau daerah
- 4 kampus = seluruh kawasan sesebuah universiti atau maktab
- 5 menggulingkan = mengalahkan
dinasti = satu keturunan raja-raja yang memerintah di sesuatu tempat
- 6 Wizurai = pembantu raja
- 8 anak negeri = penduduk asal sesuatu tempat
Kapitan = ketua sekumpulan orang Cina
- 9 campur tangan = masuk campur
- 17 ciri-ciri = sifat
pendatang = orang asing yang datang ke sesuatu tempat
- 19 mendarat = turun ke tanah (dari udara)
berlepas = pergi
- 22 rekreasi = hiburan
mini = kecil
- 25 makam = kubur
- 27 swasta = persendirian (bukan milik kerajaan)